


Berita KUIP



Oktober 2003

Edaran Dalam Sahaja

KEUTUHAN UMAT ISLAM HARUS DIKEMBALIKAN DAN DIPERTAHANKAN!

Seminar Kesepaduan Pembangunan dan Penghayatan Islam Asas Ketahanan Ummah

Seminar Kesepaduan Pembangunan dan Penghayatan Islam Asas Ketahanan Ummah ini diadakan khusus pada 12 Oktober 2003 di Esset, Bangi untuk menyedarkan rakyat Malaysia, terutama masyarakat Islam dari kalangan generasi muda tentang peri pentingnya keutuhan umat Islam dikembalikan dan dipertahankan.

Seminar satu hari ini dirasmikan oleh YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga. Pembentangan kertas kerja dimulakan dengan pembentangan khas OIC dan 1.6 Billion Ummah oleh YBhg Prof. Dr. Kamaruddin Said. Seterusnya diikuti dengan pembentangan 4 kertas kerja oleh pembentang-pembentang berkaliber seperti Encik Said Nuwaifi' Al-Hazami (Tajuk: Penubuhan dan Halatu: OIC : Sumbangan Malaysia), YBhg Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob (Tajuk: Model Penghayatan Islam, Pengalaman Malaysia), YBhg Prof. Madya Dr. Jamal Othman (Tajuk: Strategic Integration Among Muslim Countries: Issues and Challenges) dan Encik Karim Abdullah @ Leslie Terebessy yang membicarakan tentang Cultural & Religious Tolerance : Global Perspective.

Manakala, bagi sesi forum pada sebelah petang pula membincangkan tentang tajuk Umat Islam Dalam Dunia Unipolar di mana YBhg Dato' Dr. Nordin Kardi dipertanggungjawabkan untuk menjadi moderator. Ahli-ahli panel pula terdiri daripada YBhg Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman (Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad), Encik Zulkifli Mohd. Alwi (Penyelaras Perikatan AMAN Malaysia), Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar KUIP dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS.

Pada seminar ini juga terdapat acara penyerahan resolusi oleh generasi muda kepada YBhg Dato' Azimi Daim dari AMAN Malaysia sebelum beliau menutup seminar sehari itu.

Seminar anjuran KUIP bersama Sekretariat Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor HEP IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan AMAN Malaysia ini telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar di negara ini sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan berdiri bersama kerajaan untuk membangunkan ummah. Seminar ini dihadiri oleh 650 khalayak pelajar dari 17 IPTA seluruh Malaysia disamping beberapa wakil pelajar daripada IPTS.



KUIM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan pendidikannya. Sehubungan dengan itu, KUIM tidak boleh bergerak sendiri tanpa sokongan yang kuat daripada pihak luar. Menyedari perihal ini, KUIM mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama dengan KFCH dengan menandatangani Memorandum Persefahaman pada 7 Oktober 2003 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur yang bakal memberi keuntungan kepada dua belah pihak. Datuk Haji Izhar bin Sulaiman, Pengerusi Eksekutif Kumpulan KFCH menandatangani bagi pihak KFCH, manakala Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor mewakili KUIM untuk merealisasikan Memorandum Persefahaman antara kedua organisasi ini.

Meskipun KUIM dan KFCH mempunyai matlamat berbeza tetapi kepakaran yang ada di dalam kedua buah organisasi ini akan dieksploitasi untuk kepentingan bersama. Skop kerjasama yang bakal dijalankan antara lain meliputi penyelidikan bersama yang memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. KUIM mempunyai pakar-pakar akademik untuk menjalankan penyelidikan dan hasil penyelidikan ini akan diimplementasikan di dalam perjalanan dan pengurusan perniagaan KFCH.

Persefahaman antara KUIM dan KFCH...



bersama dan lain-lain lagi.

KFCH juga pada dasarnya bersetuju untuk menerima pelajar-pelajar KUIM untuk menjalani latihan industri dalam melengkapkan keperluan kursus mereka selain daripada dapat melahirkan graduan *k-workers*. Kelayakan akademik dan pengalaman kerja digabungkan dalam mengeluarkan graduan yang dapat memenuhi kehendak pasaran semasa.

KFCH juga bersetuju untuk menyumbang kepakarannya dalam membangunkan program kurikulum baru yang menjurus kepada aktiviti keusahawanan, menjadi pensyarah jemputan dan memberikan ceramah, menganjurkan seminar

Seminar Hasil Penyelidikan KUIM

Mulai tahun 2001 hingga 2003 aktiviti penyelidikan di KUIM berjalan dengan lancar dan menunjukkan potensi yang tinggi untuk maju ke hadapan. Ini amat bertepatan dengan hasrat menjadikan KUIM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan pada masa hadapan. Bagi kumpulan penyelidikan yang sulung, iaitu kumpulan penyelidik-penyelidik tahun 2001/2002, kebanyakan dari mereka telahpun berjaya menyiapkan hasil penyelidikan mereka. Dari hasil penyelidikan tersebut, terdapat penemuan-penemuan dan dapatan-dapatan hasil kajian yang telah dijalankan perlu dikongsi bersama.

Seminar Hasil Penyelidikan KUIM ini dirasmikan oleh YBhg Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia di Hotel Nikko pada 20hb Oktober 2003.

Sebanyak 11 hasil penyelidikan dibentangkan oleh penyelidik-penyelidik sulung KUIM yang terdiri daripada kakitangan akademik seperti profesor-profesor dan pensyarah-pensyarah. Manakala peserta-peserta seminar pula terdiri daripada kakitangan akademik IPT tempatan, agensi-agensi kerajaan seperti JAIS, JAKIM serta tidak ketinggalan peserta-peserta daripada institut pengajian tinggi agama tempatan. Seramai 140 orang menyertai seminar ini.



Festival Busana Islam MAKUM 2003

FESTIVAL BUSANA ISLAM MAKUM 2003

Majlis Perasmian Penutup

Oleh:

Y. IG. PUAN NORAINI AHMAD

Naib Ketua Puteri UMNO



Festival Busana Islam MAKUM 2003 akan bermula pada 17hb Oktober dan berakhir 19 Oktober 2003 bermatlamat untuk mengiktiraf seni busana serantau khususnya fesyen busana Islam yang kian mendapat tempat segenap lapisan masyarakat Malaysia dan negara luar.

Festival anjuran KUIM ini dirasmikan pada 19 Oktober 2003 oleh Yang Berbahagia Puan Noraini Ahmad, Naib Ketua Puteri UMNO Malaysia. Pada malam kemuncak tersebut turut diadakan pertunjukan fesyen oleh butik-butik yang mengambil bahagian di dalam festival ini.

Bermulanya 17 Oktober, bengkel "Personaliti Kegemilangan Muslimah Sejati" diadakan oleh Puan Nabillah bt Yusof dari Kolej Universiti Islam Malaysia. Diikuti dengan bengkel "Cantik dan Anggun" oleh Puan Rosminah bt. Abd Hamid dari Addura Marketing pada keesokan harinya (18 Oktober). Pengunjung festival juga telah dihiburkan dengan persembahan daripada Kumpulan Firdaus dan Ala-Baladi. Manakala pada hari kemuncak festival ini, Puan Johana Mohd Joha, Pengasas Mahsuri Kosmetik membincangkan tentang "Kecantikan dan Ketrampilan". Pada sebelah malamnya pula diadakan Majlis Perasmian Penutup Festival Busana Islam MAKUM 2003 oleh Yang Berbahagia Puan Noraini Ahmad, Naib Ketua Puteri UMNO Malaysia.

Beberapa syarikat/butik/kedai di sekitar ibu negara telah diundang untuk mengambil bahagian di dalam pameran selama tiga hari ini. Selain daripada itu, beberapa IPTA yang terdiri daripada ahli-ahli MAKUM (Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia) turut mengambil bahagian untuk memeriahkan suasana.

Hari Q

Hari Q KUIM yang pertama telah diadakan pada 25 Oktober 2003 di DK4, Menara B, MPAJ.

Hari yang mencatat sejarah universiti ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM. Nyanyian lagu Jalur Gemilang, lagu KUIM, lagu Kualiti merupakan pembuka acara Hari Q sebelum Encik Mohd Salehudin Sukor memimpin bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam dan Ikrar Dasar Q KUIM. Hari Q yang akan menjadi acara tahunan KUIM ini bertujuan untuk mengukuhkan budaya kualiti dalam jabatan dan seterusnya meningkatkan kesedaran kakitangan terhadap kualiti.

YBhg Dato' Rektor juga telah menyerahkan Dasar Q kepada semua jabatan yang merupakan simbolik kepada penerapan dan penghayatan nilai-nilai kualiti di setiap jabatan. Manakala YBhg Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan) turut membincangkan tajuk "Roadmap KUIM Ke Arah Pensijilan MS ISO 9001:2000".

Berikut diumumkan keputusan pertandingan-pertandingan yang telah diadakan sepanjang Hari Q KUIM:

Pertandingan Pidato (Kumpulan P & P)

- 1: Encik Murshadad Hasbullah (Fakulti)
- 2: Puan Hariza Mohd Yusof (Canselori)
- 3: Cik Nooraini Ab. Manan (Perkhidmatan)

Pertandingan Pidato (Kumpulan Sokongan)

- 1: Encik Mohd Jamil Ahmad Mokhtor (Perkhidmatan)
- 2: Puan Nor Azlina Abu Zahar (Pendaftar)
- 3: Encik Muin Yahaya (Canselori)


Kategori:

Susun Atur Pejabat – Jabatan Bendahari
Kebersihan dan Kekemasan – Jabatan Pendaftar
Etika dan Budaya Kerja Kakitangan – Unit
Teknologi Maklumat
Keceriaan dan Perkhidmatan – Unit Pembangunan

Pejabat Mithali 2003 - Unit Teknologi Maklumat

Dalam lembaran *sejarah...*

- 6 Oktober – Majlis Penyerahan Cek daripada Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad di Menara A, MPAJ
- 7 Oktober – Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KFC Holdings (Malaysia) Berhad dengan Kolej Universiti Islam Malaysia di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur
- 9 – 12 Oktober – Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA di PWTC
- 10 Oktober – Ceramah dan Pameran sempena Minggu Pendidikan Tinggi KMNS 2003 di Dewan Serbaguna KMNS
- 12 Oktober – Seminar Kesepaduan Pembangunan dan Penghayatan Islam Asas Ketahanan Ummah di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET), Bangi
- 13 Oktober – Lawatan Kerja Pejabat Pendaftar Kuittho ke KUIM
- 15 Oktober – Majlis Penyerahan Bendera Kontigen ke MASUM 2003 di Menara B, MPAJ
- 16 – 21 Oktober – Program Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) di Felda Lubok Merbau, Pendang, Kedah
- 16 – 19 Oktober – *Expo Education Malaysia 2003* sempena Karnival Amal Jariah Antarabangsa Bersempena Persidangan OIC ke-X di Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- 17 – 21 Oktober- Festival Busana Islam MAKUM 2003
- 20 Oktober – Seminar Hasil Penyelidikan KUIM
- 24 Oktober – Lawatan daripada Badan Dakwah dan Kepimpinan Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar, Pahang ke KUIM
- 25 Oktober – Sambutan Hari Q KUIM di Menara B, MPAJ



Cek berjumlah RM150,000-00 disampaikan oleh YBhg Dato' Ahmad Tajuddin bin Abdul Rahman, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad kepada YBhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM di dalam satu majlis ringkas yang diadakan oleh KUIM.

Sumbangan wang ehsan ini disumbangkan oleh Bank Islam di atas dasar untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk membayar yuran semester mereka. Sumbangan sejumlah RM1,000-00 akan diberi kepada setiap pelajar yang kurang berkemampuan yang akan dikenalpasti layak oleh pihak pengurusan KUIM.

Selamat Menyambut
Ramadhan Al-Mubarak
Moga kita mendapat
rahmat dari-Nya...

Diterbitkan oleh Pejabat
Perhubungan Awam KUIM
Tel: 03-42892094/2157
Faks: 03-42892153
E-mail: fazira@admin.kuim.edu.my